

**HIKAM JAWI** oleh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis Terengganu). Tanpa Tarikh. Matba<sup>h</sup> bin Halabi Fatani Thailand Halaman: 163. Tanpa ISBN

Kitab Hikam Jawi merupakan sebuah kitab tasawuf yang membicarakan hakikat tauhid menurut kaca mata ahli sufi melalui jalan penyucian jiwa (tazkiyyah al-nafs) untuk menghayati secara pengalaman kerohanian yang bersifat dhawqi kesempurnaan ibadah dan ubudiyah kepada Allah yang bersendikan syariat Islam dan Sunnah Rasulullah SAW. . Kitab ini ditulis dengan huruf jawi Melayu. Ia merupakan terjemahan dan syarahan ringkas kata-kata mutiara hikmah bahasa Arab ulama Sufi Mesir terkenal, Shaykh Taj al-Din bin Ataillah al-Sakandari (1259M-1310M ). Kitab Hikam karangan Ibn Ataillah adalah amat berpengaruh dalam dunia Islam hingga di alam Nusantara Melayu. Ia telah menjadi teks rujukan tasawuf dalam pelajaran dan pengajaran oleh ramai ulama Sufi dan ahli-ahli Sufi dalam riadah dan mujahadah mereka kepada Allah.

Pengarang kitab ini ialah Syaikh Abdul Malik bin Abdullah (1650M-1736M) Beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Pulau Manis. Maqam beliau terletak di Kampung Pulau Manis, Terengganu dan sentiasa diziarahi oleh orang ramai.. Mendapat pendidikan Islam di Aceh dan Mekah dan menguasai pelbagai ilmu Islam dan amat cenderung dalam ilmu tasawuf.

Kitab Hikam Melayu dikarang oleh Tok Pulau Manis adalah berdasarkan permintaan saudara-saudara Islam di zaman beliau yang masih di peringkat *salik mubtadi'*, permulaan mempelajari dan menempuh jalan tasawuf menuju Allah agar melalui terjemahannya dalam bahasa Melayu, mereka dapat mengambil manfaat daripada inisipati ajaran tasawwuf Ibn Ataillah. Kitab Hikam Melayu Tok Pulau Manis telah ditashihkan oleh oleh Ilyas Ya<sup>h</sup>kub al-Azhari pada tahun 1344H (1922M)

Kitab Hikam Ibn Ataillah telah disyarahkan oleh ramai ulama Arab di dalam bahasa Arab, seperti shaykh Ibn Abbad al-Rundi, Muhammad Ibrahim (1333M–1390M) Abdullah al-Sharqawi (1737M – 1812M), Ahmad Zarruq (1442M–1493M), Ahmad ibn Muhammad Ajibah (1747M–1809M) dan Muhammad Said Ramadan al-Buti (1929M-2013M) dalam empat jilid. Selain itu, terdapat ulama Melayu kontemporari turut mensyarahkan Kitab Hikam dalam bahasa Melayu rumi seperti Prof Dr K.H. Muhibbuddin Waly dalam kitabnya Hakikat Hikmah Tauhid dn Tasawuf (Al-Hikam) sebanyak dua jilid dan Dr. Zulkifli Mohammad al-Bakri dalam bukunya Syarah Al-Hikam sebanyak dua jilid juga

Kandungan kitab Hikam Jawi Tok Pulau Manis membicarakan hakikat ketuhanan melalui jalan menyucikan jiwa berdasarkan manhaj ahli sufi. Matan-matan Arab Hikam ibn Ataillah dikekalkan, kemudian diterjemahkan dan disyarahkan dalam bahasa Melayu. Setiap matan Arab Hikam Ibn Ataillah dihuraikan maksudnya dan inti patinya dengan ajaran-ajaran sufi yang mashur seperti Sufyan al-Thawri (716–778M), Junayd al-Bagdadi (835M-910M), Abu al-Hasan al Sirri b. al-Maghallis al-Saqat ( 762M- 867M,) Abu Yazid Tayfur b. Isa al-Bastami (804M-874M), Abu Bakar al-Shibli (861M – 946M), Abu Talib al-Makki, Muhammad ibn 'Ali (w.996M), Abd al-Karim ibn Huzan Abu al-Qasim al-Qushayri al-

Naysaburi (986M-1072M), al-Harith Bin Asad al-Muhasibi (781M-857M), Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazali ((1058M-1111M), Abu Abdullah Muhammad b Ali `Arabi al-Hatimi al-Ta'i (1165M-1240M) , Abu al-Hasan `Ali b Abdullah al-Hasani wa al-Husaynī al-Shadhili (1196M-1258 M) , Shihab al-Din Abu al-Abbas Ahmad ibn 'Umar al-Ansari al-Mursi (1219M– 1287M) dan lain-lain lagi.

Kesemua ulama-ulama sufi di atas adalah ulama dalam aliran Ahli al-Sunnah wa al-Jemaah. Selain itu, pengarang turut meletakkan beberapa ayat-ayat al-Quran, Hadis Nabi SAW dan perkataan para sahabat sebagai rujukan dan dalil mengukuhkan maksud Hikam Ibn Ataillah. Kandungan kitab ini boleh dibahagikan kepada tiga aspek;pertama: Tauhid, kedua: Jalan mujahadah dan riadah al-nafs, ketiga: Munajat Ilahiyyah

Dalam aspek tauhid kitab ini membicarakan fahaman tauhid golongan orang arifin dan *khawas al-khawwas* berdasarkan manhaj ahli sufi. Tauhid pada ahli sufi dihayati melalui kebersihan hati di mana hati sentiasa zuhud pada Allah dan tidak terhibung dengan kewujudan makhluk. Ia bermaksud hati yang bersih sentiasa memandangi kewujudan dan keesaan Allah pada DhatNya, SifatNya, AsmaNya and Af`alNya dalam kewujudan makhluk. Doktrin tauhid sufi mendidik hati supaya sentiasa memandangi kewujudan alam ini tidak terlepas daripada genggamannya kekuasaan, kehendak dan ilmu Allah. Ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip harus, wajib dan mustahil, seperti yang disepakati oleh majoriti ulama kalam dan sufi ASWJ. Tiada konsep ittihad dan hulul dalam ajaran tauhid sufi ini.

Selanjutnya dalam aspek jalan mujahadah dan riadah al-nafs kitab ini menekankan konsep mujahadah, riadah dan zikir dengan hati yang sentiasa hadir kepada Allah. Penyempurnaan mujahadah dan riadah dalam tasawuf adalah dengan ilmu dan amal dengan ikhlas bertepatan dengan syariah dan hadis Nabi SAW. Hati mesti dibersihkan kerana ia adalah tempat menerima iman, makrifat, keyakinan dan tauhid kepada Allah. Untuk menempuh dengan sempurna jalan tazkiyyah al-nafs ini, suhbat dengan guru yang boleh membimbing kepada Allah adalah amatlah dituntut supaya dapat melepaskan diri daripada tipudaya dan illusi dalam ibadah dan tauhid berdasarkan ajaran syariah Islam yang sebenar, sunnah nabi SAW dan akidah ASWJ. Hal ini kerana jalan menuju Allah mempunyai pelbagai halangan dan rintangan sama ada yang disedari atau tidak berpunca daripada nafsu al-ammarah, syaitan dan tarikan keduniaan yang sentiasa membantutkan usaha para salik sampai kepada Allah dengan ibadah yang bersih daripada syirik kha fi. Hanya Ibadah yang penuh dengan keikhlasan diterima oleh Allah Ta'ala.

Manakala aspek terakhir ialah munajat Ilahiah. Di akhir kitab ini, beberapa bentuk munajat kepada Allah dengan gaya bahasa menarik dan menyentuh sanubari dipaparkan untuk membolehkan salik berdoa mengharapkan bantuan, hidayah, taufik daripada Allah untuk menjadi Hamba-Nya dengan sebenar. Hal ini kerana doa dan munajat adalah otak dan inti pati Ibadah kepada Allah yang menunjukkan bahawa salik adalah fakir dan lemah. Dengan perasaan tawaduk ini, salik dapat sampai kepada ubudiyyah kepada Allah.

Terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam kitab ini. Pengarang menggunakan ejaan jawi klasik yang memerlukan kemahiran memahami seluk belok ejaan jawi klasik seperti perkataan *يقينم* (yaqinmu) (ms 5) *توھنم* (tuhanmu) (ms 6), *وجودم* (wujudmu) (ms 39), dan lain-lain lagi. Pengarang juga membicarakan matan Hikam secara halus dan tinggi yang memerlukan penelitian yang mendalam dan cermat. Pembacaan kitab ini mesti diteliti dan difahami dengan jelas kerana kehalusan dan ketinggian perbahasannya kerana dikhuatiri tersalah faham terhadap beberapa huraian yang boleh membawa kepada fahaman Jabariyyah jika tidak diteliti dengan baik. Contoh dalam muka surat 3, kata mualif *ارح نفسك بالتدبير* (*senangkan olehmu akan dirimu daripada tadbir ertinya daripada berfikir dalam pekerjaan qut dan rezki dan barang yang lainnya daripada barang yang ditakuti dan barang yang diharap dan kembali olehmu kepada Tuhanmu yang memerintahkan akandikau dengan tadbirNya dan duduk engkau serta Allah diatas qidam orang yang suci dengan ikhlas dan tanggalkan oleh mu akan tadbir bagi Allah ta'ala jua yang mendirikan bagimu pada barang yang telah diakui sebelum wujudmu*).

Terjemahan *arih* bukan bermaksud tinggalkan, tetapi diterjemahkan oleh pengarang sebagai senangkan. Ia lebih kepada keyakinan mutlak dalam hati kepada Allah yang sentiasa memelihara keperluan hamba-Nya. Ia adalah amalan hati tanpa meninggal iktisab, usaha dan ikhtiar secara mutlak dengan badan. Ia bererti setiap ikhtiar dan usaha dengan badan itu mestilah disertai dengan mata hati yang sentiasa zuhud kepada Allah melalui kurniaan dan bantuan-Nya juga.

Ibarat dan makna ini mesti dilihat bukan dengan jalan sepintas lalu tetapi dengan penelitian cermat kepada huraian-huraian lain dalam muka surat selanjutnya agar tidak disalah erti seperti muka surat 4; *maka dengan ikhtiar kami engkau tinggalkan maka bahawasanya dengan itu dengan kami dalam ikhtiar dan dalam meninggalkan dan inilah maqam yang terlebih mulia*. Justeru itu, pembacaan kitab ini juga memerlukan kekuatan asas dalam ilmu usuluddin, dan syariah. Jika dibaca dan difahami secara literal mungkin boleh membawa kepada salah faham dan kesan negatif seperti cenderung kepada fahaman jabariyyah, iaitu iktikad tiada usaha dan amal dan taklif hamba dan doktrin ittihad dan hulul.

Namun begitu, Kitab ini memberi lebih manfaat dan berkesan di hati jika diajar oleh guru yang mahir dan faham yang meluas dalam asas-asas usuluddin, syariah, terminologi dan ibarat-barat majazi (sandaran) serta telah berpengalaman menempuh jalan menuju Allah agar ia dapat difahami dengan baik dan mudah. Keseluruhan kandungan buku ini adalah baik, tiada keraguan melampau dan memberi manfaat pada pembaca yang mahir dalam bacaan Jawi.

Berdasarkan semakan melalui disiplin ilmu tasawuf, Kitab Hikam Jawi Tok Pulau Manis merupakan kitab tasawuf yang mengandungi perbicaraan tasawuf yang halus dan tinggi serta memberi manfaat kepada umat sebagai panduan rohani menempuh jalan menuju Allah dengan hati yang bersih. Kitab Hikam Ibn Atailah yang digunakan sebagai teks rujukan oleh Tok Pulau manis adalah masyhur dan telah diterima oleh ramai ulama besar sufi. Oleh itu, kitab ini tidak bercanggah dengan akidah Ahli al-Sunnah wa al-Jemaah

Dr Muhammad Khairi Mahyuddin  
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Fakulti Kepimpinan & Pengurusan  
Universiti Sains Islam Malaysia

Awatif Abdul Rahman  
Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor